

e-ISSN: 2976-2596
Edisi Jul-Sep 2022

KUALITI



InQKA
*Tidak mahu jadi
jaguh kampung*
Prof. Dr. Azizah Abdullah

eISSN 2976-2596



9 772976 259003

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Zon Tengah



Pemulis: Unit KIK

Jurugambar: Unit KIK

Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) dianjurkan bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf-staf yang terlibat dengan KIK untuk membuat pembentangan dan persembahan kumpulan mengenai projek yang dijalankan. Bagi tahun 2022, Fakulti Sains Gunaan telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah 2022 secara atas talian.


Penganjuran Konvensyen KIK Peringkat Zon telah bermula pada tahun 2010 di mana penganjur program dipilih menggunakan kaedah giliran di kalangan kampus kampus terlibat di dalam zon berkenaan. Bagi tahun 2022, Fakulti Sains Gunaan telah dipilih sebagai penganjur bagi Konvensyen KIK Peringkat Zon Tengah. Tujuan penganjuran konvensyen adalah untuk memilih kumpulan yang dianugerahkan EMAS bagi mewakili zon ke Konvensyen KIK Peringkat UITM.

Objektif konvensyen adalah seperti berikut:

- Sebagai platform kepada kumpulan terlibat untuk membuat persembahan mengenai projek kumpulan masing-masing
- Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat untuk dinilai projek mereka bagi mewakili zon masing-masing
- Menyediakan peluang kepada ahli untuk berjumpa dan berkongsi idea mengenai kaedah terbaik untuk pembangunan dan penambahbaikan secara berterusan
- Menarik minat staf untuk turut serta di dalam projek KIK dan meyakinkan bahawa KIK adalah kaedah terbaik menyemarakkan value creation di kalangan warga UITM

Peserta Konvensyen KIK Zon Tengah adalah di kalangan kumpulan-kumpulan KIK daripada Kampus Shah Alam, Sg. Buloh dan Puncak Alam.

Penganjuran konvensyen berlangsung selama tiga hari iaitu pada 5 hingga 7 September 2022. Jumlah kumpulan yang dipertandingkan bagi peringkat Zon Tengah adalah sebanyak 15 kumpulan. Masa yang diberikan adalah 30 minit bagi setiap kumpulan untuk pembentangan projek kumpulan dan soal jawab.



HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

© 2022. KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam



ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor



@inqkautm



inqka@uitm.edu.my